

Kuala Lumpur: Satu kertas putih berhubung bencana perlu dibentang untuk mendedahkan butiran perincian kos berbentuk kerugian dan kemusnahan harta benda.

Pensyarah Kanan Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia (UPM) Dr Mohd Yusoff Ishak berkata, pembentangan itu sangat perlu supaya semua pihak sedar berkaitan kos serta kerugian yang ditanggung akibat bencana berkenaan.

"Kertas putih ini akan memperincikan kos berbentuk kerugian yang dialami akibat kemusnahan harta benda dan prasarana awam serta kos bantuan, khususnya daripada kerajaan berban-

ding dengan keuntungan yang diperoleh daripada aktiviti pembalakan.

"Kita juga perlu tahu anggaran jumlah individu yang terkesan akibat banjir juga harus dibandingkan dengan bilangan yang menerima manfaat hasil daripada aktiviti penerokaan hutan.

"Perbincangan berkaitan pengurusan banjir harus jujur dengan meletakkan penyelesaian jangka panjang sebagai objektif utama," katanya kepada Harian Metro.

Mohd Yusoff berkata, ini termasuk mempertimbang antara kos kerugian akibat

bencana banjir berbanding keuntungan hasil membalak supaya dapat berlaku adil dalam menangani isu bencana seperti banjir ini.

Beliau berkata, kertas putih berkenaan perlu dibahas di Dewan Rakyat supaya semua pihak sedar berkaitan kos sebenar yang terbabit dalam menguruskan banjir.

Menurutnya, ini perlu disusuli dengan komitmen dalam mengurangkan impak banjir di kawasan terjejas dengan mengambil-kira faktor tempatan seperti fenomena air pasang besar.

Kertas putih perincian kerugian perlu dibentang

"Kita kesal melihat pemimpin negeri lebih selesa mewajarkan pemberian lesen membalak sebagai satu daripada kaedah menjana pendapatan negeri sedangkan aktiviti itu berisiko

memberi kesan negatif yang berpanjangan kepada alam sekitar.

"Langkah jangka pendek dalam mengekang kemusnahan akibat banjir seperti menambah kekerapan penyelenggaraan saluran, mendamkan sungai dan longkang mungkin berhasil.

"Bagi langkah jangka sederhana termasuk pembinaan kediaman yang bertiang lebih tinggi supaya kurang risiko

alatan rumah rosak akibat terendam air banjir dapat dikurangkan, atau lebih baik adalah, pindah ke kawasan yang kurang berisiko," katanya.

Menurutnya, inisiatif menerusi kecanggihan teknologi seperti kecerdasan buatan (AI) dan data raya memungkinkan satu ramalan berkaitan laluan air banjir dilaksanakan.

Katanya, ramalan ini boleh dijana lebih awal sekali gus memastikan kesediaan pengguna serta pihak berkaitan dalam menghadapi bencana berkenaan.

**"
Kita juga perlu
tahu anggaran
jumlah individu
yang terkesan
akibat banjir
Dr Mohd Yusoff**

